

Tiada kompromi tindakan gugat hak, kedaulatan Malaysia

BH- 20/7/2022 m/s: 2

Kerajaan peka, siap sedia aspek perundangan jika timbul isu babitkan aset negara



Ismail Sabri merasmikan Persidangan Keselamatan Negara 2022 yang turut dihadiri Hamzah (kanan) di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamza/BH)

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak akan berganjak walau seinci dalam mempertahankan dan melindungi hak serta kedaulatan negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak akan berkompromi atau tunduk dengan tindakan yang merugikan negara.

Mengulas tuntutan kumpulan Sulu terhadap aset negara, katanya, kerajaan sentiasa peka dan cakna dengan apa yang berlaku serta bersedia sedia dalam aspek perundangan jika timbul isu membabitkan aset negara.

“Kita tak akan berkompromi dan berganjak seinci pun dalam mempertahankan hak dan kedaulatan negara.

“Namun, kita tidak bercadang menggerakkan aset keselamatan bagi mengawasi aset negara di luar pesisir daripada dirampas pihak tertentu.

“Bukan senang nak bawa aset keselamatan masuk negara lain. Mereka tak akan benarkan kecuali Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tetapi kita akan lindungi (aset negara) dari segi perundangan. Kita bawa kes ini ke

mahkamah,” katanya selepas merasmikan Persidangan Keselamatan Negara 2022 di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadilah Yusof dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin.

Tubuh jawatankuasa khas

Mengulas apa yang berlaku ke atas aset milik syarikat berkepentingan negara seperti PETRONAS di luar negara susulan tuntutan dikemukakan kumpulan Sulu, Perdana Menteri berkata, kerajaan menubuhkan pasukan jawatankuasa khas untuk melihat mengenai aset yang dituntut itu.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa melihat sebarang perkara berkaitan kerajaan dengan penuh tanggungjawab.

“Tindakan dijalankan, sedang

diambil seperti Menteri Parlimen dan Undang-Undang (Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar) sebutkan.

“Kita sudah wujudkan pasukan khas untuk melihat perkara ini secara menyeluruh, bukan (babitkan) PETRONAS sahaja.

“Banyak lagi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan agensi kerajaan mempunyai aset di luar negara,” katanya.

Rabu lalu, Jemaah Menteri menubuhkan pasukan khas bagi meneliti, memantau dan merangka tindakan undang-undang bagi menangani tuntutan kumpulan Sulu terhadap kerajaan.

Mengumumkan perkara itu, Wan Junaidi berkata, beliau akan mengetuai pasukan khas terbabit, selain dianggotai Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun dan pakar berkaitan timbang tara antarabangsa.

Pada 28 Februari lalu, agensi berita Sepanyol melaporkan penimbang tara negara itu, Dr Gondoza Stampa mengarahkan Malaysia membayar pampasan AS\$14.92 bilion (RM62.59 bilion) kepada waris Sultan Sulu.

Malaysia didakwa tidak membayar wang pemisah berjumlah RM5,300 setahun sejak 2013 dan dikatakan melanggar Perjanjian 1878 ditandatangani Sultan Jamal Al-Alam dengan Baron De Overbeck dan Alfred Dent mewakili syarikat British Utara Borneo.

Pada 11 Julai lalu, peguam pihak yang menuntut itu dilaporkan merampas aset PETRONAS yang didaftarkan di Luxembourg iaitu Petronas Azerbaijan (Shah Deniz) dan Petronas South Caucasus, dengan nilai dilaporkan mencecah lebih AS\$2 bilion (RM8.8 bilion).

Bagaimanapun, PETRONAS

memaklumkan sudah melupuskan dua asetnya di Azerbaijan dan hasil sudah dipulangkan.

Pada 12 Julai lalu, Mahkamah Rayuan Paris membenarkan permohonan Kerajaan Malaysia menggantung penguatkuasaan Final Award yang dikeluarkan Mahkamah Arbitrasi Paris, dengan alasan perundangan kes itu menjejaskan kekebalan kedaulatan Malaysia.

Dalam ucaptamanya, Ismail Sabri turut mengajak Keluarga Malaysia berfungsi sebagai ‘penjaga’ dan ‘pelindung’ kedaulatan negara.

Perdana Menteri berkata, tugas memastikan kedaulatan Malaysia merentasi semua pihak, manakala skop keselamatan negara perlu dilihat secara meluas.

“Keselamatan negara bukan hanya merentas hierarki sosial dalam masyarakat, malah melangkau pelbagai sektor yang membabitkan aspek kedaulatan negara, sosial, ekonomi, politik, teknologi, tadbir urus serta hubungan antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata, konsep Keluarga Malaysia yang dicetuskan Ogos tahun lalu membawa semangat relevan dan mempunyai sinergi dengan Falsafah Keselamatan Negara.

Ismail Sabri menegaskan, ia membuktikan idea Keluarga Malaysia bukan sekadar retorik atau slogan, tetapi mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Ismail Sabri berkata, cabaran pengurusan keselamatan negara harus merentasi pelbagai konteks dan merangkumi aspek kehidupan harian seperti sekuriti makanan yang memberi impak besar jika tidak diuruskan dengan baik.